

**BERJAYAKAH BESTA MEMAINKAN PERANAN SEBAGAI
PUSAT PENGEDARAN BARANGAN MAKANAN BUMIPUTERA**

18310000 ST

SHAARI CHIN (86953100)
MOHD. SIRAD HJ. MOHD. MARZUKI (86953283)
MOHD. ZAHARI MUSTAPHA (86953356)
MAT AGIL CHE WIL (86952415)
ZAINAL ABIDIN ZAKARIA (86952838)

**KERTAS KERJA DISEDIAKAN UNTUK INSTITUT TEKNOLOGI MARA
SEBAGAI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT
UNTUK MEMPEROLEHI DIPLOMA IN BUSINESS STUDIES**

**KAJIAN LUAR KAMPUS
INSTITUT TEKNOLOGI MARA
NOVEMBER, 1990**

PENGHARGAAN

Dalam menjalankan kajian ini kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dr. Mohd. Tahir Haji Abdul Hamid selaku pensyarah dan penasihat kami yang telah berhempar pulas memberikan tunjuk ajar dan membimbing kami tanpa mengira masa sepanjang kajian ini dijalankan.

Kami juga ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada Pegawai pemasaran **BESTA** yang telah memberikan kerjasama yang tidak ternilai.

Seterusnya kami juga ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada para pengeluar yang memberikan kerjasama kepada kami dalam membuat kajian ini.

Terakhir sekali kepada keluarga kami yang telah memberikan galakan samada secara langsung atau tidak langsung sepanjang kajian ini dijalankan.

ABSTRAK

Kajian ini mengenai peranan **BESTA** sebagai pusat pengedaran barang makanan Bumiputera. Kajian ini bertujuan meninjau sejauhmanakah kejayaan **BESTA** selepas 8 tahun penubuhannya. Ianya juga untuk mengetahui adakah **BESTA** berjaya menggalakkan penyertaan dan penglibatan pengusaha-pengusaha kecil Bumiputera dibidang perusahaan dan perindustrian dan juga untuk mengenalpasti keupayaan **BESTA** memenuhi perubahan sikap pengguna.

Kaedah yang digunakan dalam pengumpulan data adalah melalui pengamatan, hubungan langsung dengan responden seperti melalui temuduga, perbualan (talipon), soal-selidik. Kaedah-kaedah ini digunakan untuk mendapatkan data prima dan data sekunder yang diperlukan. Ujian rintis dijalankan hanya ke atas pengeluar pengeluar (seramai 10 pengeluar) yang menjadi pembekal kepada **BESTA** dalam kawasan Lembah Kelang.

KANDUNGAN

Syarat-syarat Perlantikan pengawas

MUKA SURAT

Jenis-jenis barang dan sejenisnya

PENGHARGAAN **Bijangan pengusah** **II**

ABSTRAK **pendakian** **III**

BAB SATU **KONTEKS KAJIAN**

Pendahuluan	1
Tujuan Kajian	2
Andaian-Andaian	2
Kepentingan Kajian	3
Skop Kajian	3
Batasan-batasan Kajian	4
Definisi Istilah	4

BAB DUA **ULASAN BAHAN KAJIAN**

Latar Belakang	6
Struktur BESTA ditubuhkan	6
Objektif BESTA ditubuhkan	8
Falsafah Perniagaan	8

**BERJAYAKAH BESTA MEMAINKAN PERANAN SEBAGAI PUSAT PENGEDARAN
BARANGAN BUMIPUTERA**

1.0 PENDAHULUAN

BESTA telah ditubuhkan pada 12hb. Oktober, 1982 dengan modal berbayar sebanyak \$750,000 manakala modal yang dibenarkan ialah \$3,000,000. Ianya dimiliki 100% oleh Bank Pembangunan Malaysia Berhad.

Objektif **BESTA** adalah untuk menjalankan promosi dan pemasaran barang-barang makanan usahawan Bumiputera yang berdaya maju, memberikan khidmat nasihat dan perkhidmatan pengawasan kepada usahawan Bumiputera dalam aspek perniagaan dan kawalan dan mendapatkan keuntungan yang munasabah daripada operasinya.

Walaupun sudah 8 tahun penubuhannya dengan objektif-objektif yang tersebut tetapi **BESTA** masih lagi manghadapi masalah-masalah di dalam memasarkan barang makanan usahawan Bumiputera dengan efektif di pasaran terbuka. Perubahan corak pembelian konsumen daripada peruncit kepada pasaraya menyebabkan kurangnya sambutan terhadap barang yang diedarkan oleh **BESTA**.

Oleh itu maka tibalah masanya untuk membuat satu kajian bagi mengenalpasti masalah-masalah mengenai pengedaran barang tersebut.